

## Hanya 402 e-Hailing di Kuantan, Putrajaya miliki permit sah

- Oleh MOHD HUSNI MOHD NOOR
- 11 Mac 2023, 7:00 am



SEBUAH syarikat mengendalikan aplikasi MAXIM diserbu JPJ kerana beroperasi tanpa permit EVP sah di Kuantan, Pahang. - GAMBAR IHSAN JPJ

PUTRAJAYA – Hanya 402 daripada 5,000 kenderaan e-Hailing (EVP) yang beroperasi di kawasan ini dan Kuantan, Pahang memiliki permit sah menggunakan aplikasi MAXIM.

Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dalam kenyataan akhbar berkata, risikan dan pemantauan selama 14 hari dibuat menerusi Op e-Hailing itu ke atas syarikat pengendali perniagaan pengantaraan yang beroperasi di Kuantan, Pahang.

Menurutnya, syarikat itu melanggar Seksyen 12A(5) Akta Pengangkutan Awam Darat (APAD) 2010, kerana membenarkan kenderaan di bawah kendalian syarikat tersebut, beroperasi tanpa miliki EVP sah di Putrajaya dan Pahang.

“Siasatan awal oleh Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) mendapati, daripada 5,000 buah kenderaan aktif yang menggunakan aplikasi MAXIM, hanya 402 buah kenderaan yang mempunyai EVP.

“Dalam serbuan itu, beberapa peralatan dan dokumen syarikat seperti komputer, papan iklan, banner dan bunting dirampas dan disita untuk tujuan siasatan di bawah Seksyen 222 APAD 2010,” katanya semalam.

Menurut JPJ, tindakan penguatkuasaan ini selaras Seksyen 12A(5) APAD 2010 dan boleh disabitkan mana-mana kesalahan di bawah Seksyen 12A(9) APAD 2010, yang memperuntukkan denda tidak kurang RM1,000 dan tidak melebihi RM500,000, atau dipenjarakan tidak melebihi dua tahun.

Katanya, JPJ akan terus memantau perkhidmatan EHO secara berterusan bagi mengesan mana-mana syarikat yang mengendalikan perniagaan pengantara tanpa lesen dan kenderaan-kenderaan perkhidmatan e-Hailing yang tidak mematuhi peraturan dan undang-undang.

JPJ berkata, pihaknya ingin menasihatkan mana-mana syarikat yang mahu menjalankan perniagaan pengantara dan penyediaan sistem EHO kepada pemandu-pemandu kenderaan e-Hailing supaya berdaftar serta dilesenkan di bawah APAD dan LPKP.

“Penumpang e-Hailing juga dinasihatkan untuk memastikan aplikasi tersebut adalah berdaftar serta dilesenkan melalui semakan di portal APAD dan LPKP supaya penumpang mendapat jaminan perlindungan insurans jika terbabit kemalangan,” katanya. – UTUSAN